

II GB 04-12 00198 BA581

aab

AMERIKA SELATAN DAN CARIBBEAN BOLEH JADI RAKAN DIALOG ASEAN

Mahathir - Dialog

Daripada Donald Baptist

T

CASTRIES (St. Lucia), 4 Dis (Bernama) -- Negara-negara Amerika Latin dan Caribbean boleh menjadi rakan dialog Asean dan saling bantu membantu antara satu sama lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini pada Selasa.

Perdana Menteri berkata memandangkan Kesatuan Eropah (EC) telah menjadi rakan dialog Asean, beliau tidak nampak sebab kenapa ia tidak boleh diperluaskan ke Amerika Latin dan Caribbean.

+Kumpulan Caribbean sudah tentu berminat mengadakan dialog dengan kita, dan kita boleh mencari jalan bagaimana untuk saling bantu membantu, katanya pada persidangan akhbar di akhir lawatan tiga hari ke negara kepulauan Hindibarat ini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang berlepas ke Barbados sebelum pulang ke tanah air, berkata perkara itu telah diutarakan semasa sidang kemuncak negara-negara membangun Kumpulan 15 (G-15) yang beliau badiri di ibu negara Venezuela, Caracas dari 27 Nov hingga 29 Nov.

Beliau berkata sekiranya kumpulan serantau, seperti kumpulan Andean dan kumpulan Rio di Amerika Latin dan Pertubuhan Negara-negara Caribbean Timur (OECS) berminat, Asean boleh mengkaji kemungkinan menjadikan mereka rakan dialog Asean. -- Lagi

▼04/12/11-37MST

aab

Mahathir - Dialog 2 Castries (St. Lucia)

Beliau akan memaklumkan mengenai hasil pertemuannya di Venezuela dan Caribbean pada mesyuarat ketua-ketua kerajaan Asean di Singapura pada bulan depan.

Semasa di sini, Datuk Seri Dr Mahathir mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri St. Lucia, John Compton dan juga menemui Perdana Menteri Grenada, Nicholas Braitwaite pada satu jamuan tengah hari yang dianjurkan oleh sektor swasta tempatan pada hari Isnin.

Beliau akan menemui Perdana Menteri Barbados, Erskine Sandiford semasa membuat lawatan singkat ke pulau itu, yang juga anggota Komanwel.

Datuk Seri Dr Mahathir, ketika ditanya mengenai implikasi pasaran tunggal EC pada tahun depan, berkata EC sedang herkemhang menjadi satu kawasan perdagangan tertutup yang akan menjejaskan negara-negara membangun.

Sambal mengulangi pendirian Malaysia terhadap pengwujudan blok perdagangan, beliau berkata kuota dan pelbagai kelayakan mengenai kandungan tempatan di kenakan dan keadaan itu akan menjadi bertambah buruk. -- Lagi

▼04/12/12-10MST

aab

Mahathir - Dialog 3 Castries (St. Lucia)

Walaupun begitu, Malaysia sedang berunding dengan beberapa anggota EC yang berpendirian liberal seperti Britain, untuk mendapatkan sebanyak mungkin faedah, katanya.

Beliau juga menyebut mengenai pembentukan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) yang menurutnya, mungkin diperlukan ke negara-negara Amerika Tengah dan Selatan sehingga menjadi satu blok perdagangan yang besar yang akan menindaskan perdagangan bebas.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Apa yang telah kita lakukan ialah untuk cuba mengumpulkan negara-negara Asia Timur agar kita dapat bersuara pada mesyuarat GATT dan Rundingan Perdagangan Pelbagai Hal a Pusingan Uruguay untuk mempertahankan perdagangan bebas.

+Jadi kita perlu bersama-sama berunding sebagai negara-negara membangun, mungkin juga dengan sokongan negara-negara Caribbean, pada forum-forum antarabangsa untuk mengekalkan perdagangan bebas kerana ia merupakan cara tunggal untuk membolehkan pasaran kita berkembang.

+Rakyat kita terlalu daif untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi,+ katanya.

Mengenai isu alam sekitar, Datuk Seri Dr Mahathir menganggap sebagai tidak adil bagi negara-negara maju untuk meminta negara-negara membangun mengekalkan kualiti alam sekitar manakala mereka (negara-negara Utara) tidak berbuat apa-apa mengenai itu. -- Lagi

▼04/12/12-32MST

CNS2157

U GB 04-12 00143 BA588

aab

Mahathir - Dialog 4 Castries (St. Lucia)

Beliau berkata negara-negara Selatan perlu bersatu dan bersuara dengan satu nada, terutama pada Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Pembangunan dan Alam Sekitar di Rio de Janeiro pada tahun depan.

+Jika tidak, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan di negara-negara Utara akan mengadakan tunjuk perasaan dan menjatuhkan kerajaan yang tidak memelihara alam sekitar mereka,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata Komanwel, walaupun telah digelar sebagai sebuah kelab sosial, sangat berguna untuk menjalin hubungan dan ia telah membantu menggerakkan beberapa langkah yang progresif, sebagai contoh, berhubung dengan Afrika Selatan.

Dan baru-baru ini, ia telah dapat mempengaruhi Britain dan Kanada supaya melupuskan sejumlah besar hutang yang dipinjamkan kepada negara-negara membangun, katanya.

Beliau juga ditanya mengenai pendapat Malaysia berhubung langkah negara-negara membangun mengaitkan bantuan dengan hak asasi manusia. -- Lagi

▼04/12/12-39MST

CNS2158

U GB 04-12 00151 BA589

aab

Mahathir - Dialog 5 Castries (St Lucia)

Beliau berkata tidak ada satu negara pun yang boleh menentukan bila bantuan perlu diberikan atau tidak.

Ketika ditanya mengenai pendiri an Malaysia berhubung sekatan ekonomi Amerika Syarikat ke atas Cuba, beliau berkata Malaysia tidak pernah menyokong sekatan kecuali bagi Afrika Selatan.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang merupakan Perdana Menteri Malaysia, mungkin dari Asia yang pertama untuk melawat St. Lucia, berkata lawatan itu sangat menguntungkan kerana ia membolehkan beliau mempelajari mengenai Caribbean, terutama St. Lucia, ekonomi dan pembangunannya.

Beliau berkata kedua-dua negara telah mempelajari banyak perkara mengenai satu sama lain: Malaysia mengenai industri pelancongan yang sangat maju di St. Lucia mengenai kejayaan Malaysia dalam beberapa perkara-perkara.

Beliau menawarkan bantuan Malaysia kepada St. Lucia dibawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia dan berkata, Malaysia bersedia berkongsi pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi. -- Lagi

▼04/12/12-40MST

CNS2159

II GB 04-12 00160 BA590

aah

Mahathir - Dialog 6 (Akhir) Castries (St Lucia)

Antarabidang yang disebut ialah penyelidikan pertanian, akuakultur dan pengeluaran makanan.

Beliau berkata Malaysia mengeluarkan banyak harangan, antaranya minyak sawit -- minyak makanan yang paling murah di dunia.

Katanya memandangkan Malaysia mengeksport sejumlah besar minyak sawit ke Amerika Syarikat, dan keseluruh dunia, adalah menguntungkan sekiranya diadakan satu depot pengedaran di St. Lucia untuk edaran ke negara-negara Jajin Caribbean.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang diiringi oleh isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Alj, mengakhiri lawatannya dengan mengunjungi Kompleks Bebas Cukai Pointe Seraphine, dikatakan yang terbesar di Caribbean Timur, dan menaiki helikopter untuk melawat Soufriere, yang terletak di selatan pulau itu.

Di Soufriere, terdapat gunung berapi St. Lucia dan Twin Pitons, dua puncak gunung yang tingginya melebihi 720 meter.

Datuk Seri Dr Mahathir menanam dua batang pokok di kediaman Perdana Menteri, John Compton. -- Bernama

▼04/12/12-41MST